

**MENGAPLIKASIKAN AKTA KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN 1994 (AKTA 514) DAN
PERATURAN-PERATURAN KE DALAM KOR
JURUTERA LETRIK DAN JENTERA DIRAJA, TENTERA
DARAT MALAYSIA**



Oleh

MOHD SHAFRI BIN ISMAIL

Tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk
Ijazah Master Sains

Mei 2000

FK 2000 68

DEDIKASI

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada isteri tersayang, Hasnah Ismail serta anak-anak, Mohd Aizuddin, Nur Aisyah, Nur Aimi, Nur Amirah, Nur Atiqah, Nur Asyilah dan Nur Asykin yang telah memberi bantuan dan sokongan moral di dalam penyediaan tesis ini.

ABSTRAK

Abstrak tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk IJAZAH MASTER SAINS.

MENGAPLIKASIKAN AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994 (AKTA 514) DAN PERATURAN-PERATURAN DI DALAM KOR JURUTERA LETRIK DAN JENTERA DIRAJA, TENTERA DARAT MALAYSIA

Oleh

MOHD SHAFRI ISMAIL

Mei 2000

Penyelia: Tuan Ir. Haji Fuad Abas

Fakulti: Kejuruteraan

Sebagai sebuah agensi senggaraan dan pembaikan bagi Tentera Darat, kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi Kor JLJ DiRaja tidak dapat dipertikaikan. Walaupun Kor JLJ DiRaja (sebagai sebuah sub-sistem Angkatan Tentera) dikecualikan dari Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturan, aspek keselamatan dan kesihatan tidak diabaikan dan sebaliknya, telah menjadi sebahagian dari budaya kerja organisasi ini dari semenjak penubuhannya pada tahun 1957 lagi.

Kor JLJ DiRaja kini menggunakan peraturan-peraturan dan garis panduan mengenai keselamatan dan kesihatan yang diwarisi dari Angkatan Tentera British yang telah diubahsuai bagi memenuhi keperluan dan kesesuaian perkhidmatan sekarang. Di samping itu, Kor JLJ DiRaja juga sentiasa sahaja menggubal peraturan tambahan untuk memenuhi keperluan yang wujud dari masa ke semasa. Proses penggubalan peraturan ini bagaimanapun hanya dilaksanakan secara bersendirian tanpa merujuk kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturan. Walaupun menyedari betapa mustahaknya Akta Keselamatan dan Kesihatan

Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturan, Kor JLJ DiRaja juga sehingga sekarang tidak pernah berusaha untuk mengaplikasikan akta berkenaan ke dalam perkhidmatannya. Justeru itu, kajian ini telah dilaksanakan bagi mengenalpasti kesesuaian untuk mengaplikasikan akta ini ke dalam Kor JLJ DiRaja agar ia bukan sahaja dapat mempertingkatkan tahap profesionalisma organisasi tetapi dalam masa yang sama boleh menambah baik moral dan keberkesanan setiap warganya.

Kajian ini telah mendapati bahawa terdapat banyak peraturan-peraturan keselamatan dan kesihatan yang digunakan oleh Kor JLJ DiRaja sekarang menyerupai dengan peraturan-peraturan di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturan, walaupun ianya digubal secara berasingan. Kajian turut mendapati bahawa penggunaan akta ini ke dalam Kor JLJ DiRaja hanya akan melibatkan pengubahsuaian sistem perundangan dan pentadbiran sekarang secara minimum sahaja. Namun demikian ia hanya boleh dilaksanakan apabila akta ini dibaca atau digunakan secara bersama dengan Akta Angkatan Tentera 1972 (Akta 77) dan perundangan kecil yang berkaitan dan tidak secara bersendirian. Akhirnya, kajian ini merumuskan bahawa Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturan sesuai untuk diaplikasikan ke dalam Kor JLJ DiRaja semasa organisasi ini melaksanakan tanggungjawabnya semasa aman di pangkalan dan dalam keadaan statik.

ABSTRACT

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science.

THE APPLICATION OF THE OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH ACT 1994 (ACT 514) AND REGULATIONS INTO THE ROYAL ELECTRICAL AND MECHANICAL CORPS OF THE MALAYSIAN ARMY

By

MOHD SHAFRI ISMAIL

May 2000

Supervisor: Tuan Ir. Haji Fuad Abas

Faculty: Engineering

Being the maintenance and repair agency for the Malaysian Army, the importance of occupational safety and health practices to the Royal Electrical and Mechanical Corps (Royal EME Corps) needs no emphasis. Despite the fact that the corps (as a sub-system of the Armed Forces) is not covered by the Occupational Safety and Health Act 1994 (Act 514) and Regulations, safety and health aspects had been part and parcel of the corps' work culture since its inception in 1957.

Most of the regulations and guidelines currently used nevertheless were inherited from the Royal British Army, but had been adjusted to meet organization's peculiarities. Royal EME, from time to time, had also formulated additional rules and regulation in order to cater for arising needs. Unfortunately, they are often done without referring to the Occupational Safety And Health Act 1994 (Act 514) and Regulations. In spite of its importance, there has never been any effort made to adopt the said act into the corps. This study therefore is undertaken to determine the possibility of applying the act into the corps so as to elevate the corps' standard of professionalism while at the same time enhance members moral and efficiency.

The study discovered that whilst the formulation of the regulations was done in isolation, to a certain extent, there are similarities with those outlined in the

Occupational Safety And Health Act 1994 (Act 514) and Regulations. The study also discovered that application of the act to the Corps will require minimum changes to the current legal and administrative system but this is only possible if the act is concurrently read and interpreted with the Armed Forces Act 1972 (Act 77) and its subsidiary legislation. Finally, this study recommends that the Occupational Safety And Health Act 1994 (Act 514) and Regulations be adopted by the Royal EME Corps, but its applicability is confined to period of peace, when the Corps is functioning at base in a static setting.



PENGHARGAAN

Segala puji-pujian kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnianya telah memberi kekuatan kepada saya untuk menyempurnakan projek ini. Selamat sejahtera kepada junjungan Nabi Muhammad S.A.W yang telah memberi petunjuk kepada sekalian manusia.

Setinggi penghargaan kepada Tuan Ir. Fuad bin Abas sebagai penyelia projek, pensyarah-pensyarah, Dr Mohamed Daud, Dr Nor Mariah Adam dan Dr Fakhru'l Razi Ahmadun yang banyak memberi dorongan untuk penyediaan projek ini.

Pengarang juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada Jabatanarah JLJ dan 91 Woksyop Pusat Angkatan Tentera, terutamanya Pegawai Staf 1 Pengurusan Jabatanarah JLJ, Lt Kol Shafii Hj Roshad dan Pegawai Produksi 91 Woksyop Pusat Angkatan Tentera, Mej Muhammad Mubarak Ramli kerana telah memberi bantuan dalam mengendalikan kajian ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Pengarah dan kakitangan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kerana turut menyumbangkan bantuan untuk tujuan penyelidikan. Tanpa bantuan semua, kajian ini tidak mungkin akan dapat mencapai matalamat yang telah ditetapkan.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

DEDIKASI	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB	
1. PENDAHULUAN	1
1.1 Latarbelakang	1
1.2 Kenyataan Masalah	2
1.3 Tujuan	3
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Batasan dan Andaian	4
2. TINJAUAN LITERATUR	6
2.1 Latarbelakang Kor JLJ DiRaja	6
2.1.1 Sejarah Kor JLJ DiRaja	6
2.1.2 Peranan dan Tanggungjawab	8
2.1.3 Fungsi Kor JLJ DiRaja	9
2.1.4 Bidang Pengkhususan dan Tred Dalam Kor JLJ DiRaja	10
2.1.5 Organisasi	14
2.1.6 Modus Operandi Kor JLJ DiRaja	15
2.2 Latarbelakang Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturan	16
2.2.1 Kandungan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturan	17

2.3	Perundangan-Perundangan Yang Diguna Pakai Oleh Kor JLJ DiRaja Sekarang	25
2.3.1	Akta Angkatan Tentera 1972 (Akta 77)	26
2.3.2	Perundangan-Perundangan Kecil Yang Berkaitan Dengan Akta Angkatan Tentera (Akta 77)	27
2.3.3	Arahan Yang Dikeluarkan Dari Masa Kesemasa Dan Dalam Bentuk Berterusan (Standing In Nature)	28
2.3.3.1	Perintah Tetap (Standing Operational Procedure)	28
2.3.3.2	Perintah Bahagian Pertama Organisasi (Unit's Part 1 Orders)	29
2.3.3.3	Arahan Teknikal	30
3.	METODOLOGI	32
3.1	Perbandingan Di Antara Akta Angkatan Tentera 1972 (Akta 77) Dengan Mengaplikasikan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturan Secara Kritikal	32
3.2	Perundangan Angkatan Tentera Dan Kaitannya Dengan Keselamatan Pekerja Dan Kesihatan	33
3.3	Mengenalpasti Pengamalan Program Keselamatan Dan Kesihatan Dalam Kor JLJ DiRaja Secara Umum	34
3.3.1	Kewajipan Am Majikan (Bahagian IV Kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturan	36
3.3.2	Kewajipan Am Pekerja (Bahagian VI Kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturan	41
3.3.3	Tatacara Melapor dan Menyiasat Kemalangan dan Kejadian Lain Bersabit Dengan Kesihatan Di Tempat (Bahagian VIII Kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturan	42

3.4	Kekurangan Yang Dihadapi Berbanding Ketetapan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) Dan Peraturan-Peraturan	43
3.4.1	Ketiadaan Organisasi Keselamatan dan Keselamatan Mengikut Bahagian VII Kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturan	44
3.4.2	Penguatkuasaan dan Penyiasatan Oleh Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Bahagian XI Kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturan	45
3.5	Peruntukan-Peruntukan Yang Terdapat Dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturan Tetapi Tidak Boleh Digunakan Secara Khusus Oleh Kor JLJ DiRaja	46
3.5.1	Permulaan, Perlantikan Pegawai Dan Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Bahagian I, Bahagian II dan Bahagian III Kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturan)	46
3.5.2	Kewajipan Am Perekabentuk, Pengilang dan Pembekal (Bahagian V Kepada Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturan)	46
3.6	Perbandingan Tatacara Mentadbir Undang-Undang Di Antara Akta 514 dan Akta 77	47
3.7	Opsyen Pelaksanaan	50
3.7.1	Opsyen 1 - Meminda Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturan	50
3.7.2	Opsyen 2 - Meminda Akta Angkatan Tentera 1972 (Akta 77)	51
3.7.3	Opsyen 3 - Mengaplikasikan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturan Dalam Sistem Perundangan Yang Sedia Digunapakai Oleh Kor JLJ DiRaja	53

4.	KEPUTUSAN	55
4.1	Keperluan Mengaplikasikan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturan	55
4.2	Opsyen Pilihan	57
4.3	Proses Pelaksanaan	60
4.4	Rancangan Pelaksanaan dan Analisa Kos	63
5.	ULASAN DAN CADANGAN	65
5.1	Ulasan	65
5.2	Cadangan	67
	RUJUKAN	69
	LAMPIRAN	
	Organisasi Angkatan Tentera Malaysia	A-1
	Organisasi Tentera Darat	A-2
	Organisasi Jabatanarah Jurutera Letrik dan Jentera	A-3
	Organisasi Woksyop Pusat Angkatan Tentera	A-4
	Organisasi Woksyop Divisyen	A-5
	Organisasi Woksyop Briged	A-6
	Organisasi Woksyop Rejimen	A-7
	Perintah Bahagian Pertama 91 Woksyop Pusat Angkatan Tentera	B-1
	Cabutan Akta Angkatan Tentera 1972 (Akta 77) Seksyen 88 - Kesalahan-Kesalahan Awam	C-1 hingga C-6
	Perintah Tetap Pasukan No. 15 - Peraturan Keselamatan Perindustrian	D-1 hingga D-7
	Sukatan Rangsum Angkatan Tentera	E-1 hingga E-4
	Safety Precautions In Workshops - Protective Clothing	F-1 hingga F-2
	Cabutan Kes Tidak Mematuhi Peraturan Keselamatan Di Bengkel	G-1
	Safety Precautions In Workshops - Appointment Of Safety Officers And Introductions Of A Safety Programme	H-1 hingga H-2
	Rancangan Pelaksanaan Dan Analisa Kos	I-1



SENARAI JADUAL

		Muka Surat
JADUAL 1	Pemeriksaan Pakar Terhadap Organisasi JLJ	39

SENARAI RAJAH

RAJAH 1	Rajah Pokok Bidang Kuasa Akta 514	48
RAJAH 2	Rajah Pokok Bidang Kuasa Akta 77	49



SINGKATAN

AFCI	- Armed Forces Council Instruction
AFMC	- Armed Forces Maintenance Corps
ASC	- Army Service Corps
AT	- Angkatan Tentera
ATM	- Angkatan Tentera Malaysia
ATMA	- Akademi Angkatan Tentera Malaysia
AW	- Askar Wataniah
DBK	- Detesman Bantuan Kecil
EME	- Electrical and Mechanical Engineers
EMEI	- Electrical Mechanical Engineers Instruction
HUT	- Hari Ulang Tahun
IJED	- Institut Kejuruteraan Tentera Darat
Inf	- Infantry
JK	- Juruteknik Kejuruteraan
JKR	- Jabatan Kerja Raya
JLJ	- Jurutera Letrik dan Jentera
JLJM	- Jurutera Letrik dan Jentera Malaysia
KEMENTAH	- Kementerian Pertahanan
Kfn	- Krafman
Kor JLJ DiRaja	- Kor Jurutera Letrik dan Jentera DiRaja
Kpl	- Kopral
KTD	- Kolej Tentera Darat
LKpl	- Lans Kopral
LLP	- Lain-Lain Pangkat

Lt	- Leftenan
Mej	- Mejar
MEME	- Malaysian Electrical and Mechanical Engineers
MLVK	- Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan
MOR	- Malayan Other Ranks
NIOSH	- National Institute Of Occupational Safety And Health
OSHA	- Occupational Safety and Health Act
Peg	- Pegawai
PMAT	- Perintah Majlis Angkatan Tentera
PTD	- Panglima Tentera Darat
PTL	- Panglima Tentera Laut
PTT Kanan	- Pegawai Tidak Bertauliah Kanan
PTU	- Panglima Tentera Udara
PUTD	- Pasukan Udara Tentera Darat
PW I	- Pegawai Waren Kelas 1
PW II	- Pegawai Waren Kelas 2
RAOC (E)	- Royal Army Ordnance Corps (Engineering Branch)
REME	- Royal Electrical and Mechanical Engineers
Royal EME Corps	- Royal Electrical and Mechanical Corps
Sjn	- Sarjan
SPR	- Sistem Pemerintahan Rejimental
S/Sjn	- Staf Sarjan
TD	- Tentera Darat
TLDM	- Tentera Laut DiRaja Malaysia
UKM	- Universiti Kebangsaan Malaysia



BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 LATARBELAKANG

Usaha untuk menangani aspek keselamatan industri dalam sejarah dunia moden telahpun bermula pada tahun 1912 dengan terlaksananya Kongres Keselamatan Koperatif dan tertubuhnya Majlis Keselamatan Kebangsaan (National Safety Council) Amerika Syarikat. Sebelum itu, pada tahun 1906, 'the Massachusetts Board of Health' telah memulakan pergerakan keselamatan industri dengan melantik pegawai kesihatan untuk memeriksa kilang-kilang, bengkel-bengkel dan sekolah-sekolah. Objektif utama pergerakan ini adalah untuk memberi pengetahuan dan kesedaran kepada orang awam tentang wujudnya masalah kemalangan dan penyakit yang berpunca dari kegiatan industri.

Selepas dari itu, usaha ini terus dipergiatkan lagi ekoran dari meningkatnya kes-kes kemalangan dan penyakit industri yang dilaporkan. Dalam masa yang sama, kebanyakan organisasi juga telah mula menyedari tentang kos tersembunyi yang tinggi bagi mengurus kemalangan, iaitu empat kali ganda dari kos yang nyata.

Kewujudan 'Workers Compensation Law' pula memerlukan pekerja diinsurankan dari kemalangan dan penyakit dan ini juga telah membebankan kewangan organisasi. Pihak pengurusan dengan itu telah sependapat

bahawa program keselamatan merupakan langkah yang lebih 'cost effective' jika dibandingkan dengan apa yang sedang diamalkan pada waktu itu.

Di Malaysia, walaupun kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan industri telahpun bermula semenjak zaman pemerintahan British, usaha bersepadu bagi menangani aspek ini baru sahaja dilaksanakan semenjak beberapa tahun kebelakangan ini. Langkah utama ke arah itu adalah dengan mewujudkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturan. Akta ini boleh digunapakai di seluruh Malaysia bagi industri seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama. Walau bagaimanapun Angkatan Tentera Malaysia dikecualikan dari Akta ini.

1.2 KENYATAAN MASALAH

Walaupun kepentingan Akta ini bagi sesebuah organisasi yang berkaitan tidak boleh dipertikaikan, adalah malang apabila ia tidak merangkumi kesemua agensi kerajaan. Kor JLJ DiRaja umpamanya merupakan sebuah agensi kerajaan yang mempunyai 'set-up' teknikal seperti industri swasta yang lain. Walaupun sistem bekerjanya mungkin berbeza, peralatan yang digunakan dan tatacara yang diamalkan adalah sama dengan amalan-amalan biasa organisasi berkenaan. Anggota JLJ dengan itu akan turut terdedah dengan risiko kemalangan dan kesihatan pekerjaan selain dari risiko ancaman musuh semasa menjalankan tugas. Memandangkan bahawa Angkatan Tentera Malaysia telah mempunyai tatacara sendiri untuk menangani masalah risiko akibat ancaman musuh, anggota JLJ seharusnya

mendapat perlindungan dari risiko keselamatan dan kesihatan semasa menjalankan tugas di waktu aman.

Persoalannya ialah, perundangan manakah yang perlu digunapakai bagi tujuan berkenaan sedangkan Akta Angkatan Tentera 1972 tidak menyentuh secara khusus mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Masalah ini menjadi lebih rumit kerana dalam masa yang sama, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturan pula, tidak boleh digunapakai. Berbeza dengan apa yang berlaku di negara maju lain seperti di Australia dan Britain, organisasi JLJ mereka (Royal Australian Electrical and Mechanical Engineers dan Royal Electrical and Mechanical Engineers) tertakluk dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Industri (OSHA) di samping Akta Angkatan Tentera (Armed Forces Act) masing-masing. Oleh yang demikian, kajian yang mendalam perlu dilaksanakan untuk menentukan sejauh manakah kesesuaian menggunakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturan dalam Kor JLJ DiRaja agar aspek keselamatan dan kesihatan anggota-anggotanya yang sedang bertugas sentiasa terpelihara.

1.3 TUJUAN

Untuk menilai kesesuaian menggunakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturan dalam Kor JLJ DiRaja.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

- (a) Mengenalpasti kesesuaian mengguna pakai Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Kor JLJ DiRaja.
- (b) Mencadangkan cara pelaksanaan isi kandungan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Angkatan Tentera Malaysia.
- (c) Mengenalpasti program pelaksanaan (time-line) termasuk plan tindakan dan kos yang berkaitan.

1.5 BATASAN DAN ANDAIAN

Fungsi Kor JLJ DiRaja merangkumi dua keadaan yang berbeza iaitu semasa aman dan semasa perang. Di waktu aman sistem kerja yang diamalkan menyamai dengan sistem kerja organisasi teknikal lain. Di masa perang pula, sistem yang diamalkan berbeza sama sekali kerana suasana persekitaran yang amat berlainan. Aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan, walaupun masih penting, tidak dapat diutamakan kerana masalah keselamatan dan kesihatan yang dihadapi pada ketika itu adalah berbeza. Dalam keadaan ini, tumpuan yang lebih perlu diberikan terhadap keselamatan diri agar sentiasa bebas dari ancaman dan tindakan musuh yang boleh mengakibatkan keupayaan individu untuk melaksanakan tugas akan terjejas sama sekali.

Disebabkan oleh masalah yang dinyatakan tadi, adalah mustahil untuk mengkaji samada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Peraturan-Peraturan boleh diguna pakai pada masa itu. Kajian ini dengan itu, hanya akan merangkumi organisasi JLJ di masa aman iaitu semasa melaksanakan tugas di kem statik dan bukannya di kem sementara samada semasa perang mahupun semasa latihan di medan. Memandangkan bahawa rekabentuk organisasi Woksyop-woksyop JLJ adalah seragam kecuali saiznya sahaja yang berbeza sesuai dengan tanggungjawabnya, kajian ini akan meliputi kesemua organisasi berkenaan walaupun hanya memberi tumpuan kepada sesebuah organisasi sebagai bahan kajian.

RUJUKAN

- Akta Angkatan Tentera 1972, Kaedah-Kaedah Angkatan Tentera (Lembaga Siasatan) 1976.
- Akta Angkatan Tentera 1972, Peraturan-Peraturan Angkatan Tentera (Bidang Kuasa Terus) Lembaga 1976.
- Akta Angkatan Tentera 1972, Kaedah-Kaedah Angkatan Tentera (Penjaraan Dan Tahanan) 1976.
- Akta Angkatan Tentera 1972, Kaedah-Kaedah Angkatan Tentera (Mahkamah Tentera) 1976.
- Buku Panduan Undang-Undang Angkatan Tentera, Undang-Undang Malaysia, Akta 77, Akta Angkatan Tentera 1972, Terbitan Warta 4 Mei 1972.
- Electrical and Mechanical Engineering Instructions, General AL 001 Electrical and Electronic Hazard, Published by authority of Armed Forces Council, Issue 1, dated Mac 1975.
- Electrical and Mechanical Engineering Instructions, General AK 001 Luminous Compounds, Safety Precaution During Storage and Use, Published by authority of Armed Forces Council, Issue 1, dated 20 Mac 1960.
- Laws of Malaysia, Factories and Machinery Act 1967 (Act 139) and Regulation and Rules, as at 31 Jan 1999.
- Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) Bil 6 Tahun 1985, Sukatan Rangsang Angkatan Tentera.
- Perintah Tetap Pasukan No. 15, Peraturan-Peraturan Keselamatan Perindustrian, 91 Woksyop Pusat Angkatan Tentera, bertarikh 9 Jun 1965.
- Undang-Undang Malaysia, Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) Dan Peraturan-Peraturan & Occupational Safety and Health Act 1994 (Act 514) and Regulation, hingga 10 Jun 1999.
- Warta Kerajaan Seri Paduka Baginda, Akta Angkatan Tentera 1972, Peraturan -Peraturan Angkatan Tentera (Hukuman Medan) 1976, terbitan Warta 22 Mei 1976.
- Warisan Kecemerlangan 40 Tahun, Kor Jurutera Letrik dan Jentera DiRaja, diterbitkan oleh Jabatanarah JLJ Markas Tentera Darat, terbitan 10 Mei 99.